

# PM saran akhbar tempatkan wartawan masing2 di luar negara

UM 23 FEB 1990

PETALING JAYA 22 Feb. — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad menyarankan akhbar - akhbar tempatan menempatkan wartawan masing - masing di luar negara bagi mengelakkan pemikiran masyarakat dijajah melalui media Barat.

Perdana Menteri berkata, disebabkan ketiadaan wartawan bertugas di luar negeri, pemikiran masyarakat tempatan lama kelamaan akan terjejas sekiranya mereka terus disogok oleh berita - berita luar yang diambil dari punca - punca asing.

"Dengan disogok oleh berita - berita dari punca - punca asing, ada kemungkinan lama kelamaan nilai, sikap dan pendirian kita akan terjejas. Secara tidak langsung sedikit sebanyak kita mengikut cara pemikiran Barat," katanya.

"Walaupun kita berjaya menghapuskan penjajahan fizikal dengan kemerdekaan tetapi disebabkan penguasaan media oleh Barat, pemikiran kita masih dijajah kerana berita - berita dan rencana yang ditulis mengikut pandangan orang - orang asing."

Berucap di majlis penyampaian Hadiah Kewartawanan Malaysia 1988 di sini hari ini, Perdana Menteri mengakui adalah sukar bagi media massa tempatan untuk mendapatkan maklumat - maklumat ini sendiri kerana masalah kewangan menempatkan wartawan mereka ini di luar negara.

"Tetapi masanya sudah tiba bagi kita menempatkan wartawan - wartawan kita sendiri di beberapa buah negara dan untuk mencapai tujuan ini mungkin akhbar - akhbar di Malaysia dapat mengadakan satu bentuk kerjasama," tambah Perdana Menteri.

Sambil berseloroh beliau berkata: "Kerajaan boleh memberi bantuan bagi tujuan tersebut, tetapi bimbang ada pihak yang menuduh kerajaan cuba mempengaruhi media tempatan."

Perdana Menteri juga menjelaskan saranannya itu bukanlah bermaksud bahan - bahan berita asing melalui agensi berita antarabangsa tidak boleh digunakan sama sekali.

"Hanya saya harap lebih ramai wartawan Malaysia dapat menulis isu - isu antarabangsa dengan cara yang tidak otordok dan berlainan dari kaca mata Barat, tetapi masih mempunyai logik dan pemikiran yang bernas dan tersendiri," katanya.

Beliau mengambil contoh pergolakan politik antarabangsa seperti di negara Eropah Timur di mana masyarakat tempatan ingin mengetahui apa yang berlaku.

Bagaimanapun berita - berita dan rencana - rencana yang dibawa di negara ini adalah melalui kaca mata dan pandangan orang asing yang mempunyai nilai - nilai dan pendekatan yang tidak semestinya sama dengan nilai masyarakat tempatan.

Mengenai kebebasan akhbar, Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, sikap bermusuhan akhbar terhadap kerajaan tidak sepatutnya menjadi ukuran kredibiliti sesebuah akhbar.

Katanya, ini juga tidaklah bererti yang pihak akhbar tidak boleh mengkritik dan menegur kerajaan.

"Di negara yang mengamalkan sistem demokrasi seperti Malay-

sia, kritikan dan teguran terhadap kerajaan amat penting untuk menentukan penyalahgunaan kuasa tidak mudah berlaku dan segala dasar dan tindakan kerajaan membawa kebaikan kepada rakyat dan negara," katanya.

Tetapi, menurut Perdana Menteri, menidakkan yang baik hanya kerana ingin mempertahankan kebebasan dan kredibiliti dan mungkin kerana kepentingan komersial sebenarnya mencabul hak dan kebebasan yang diberikan kepada akhbar.

Beliau juga mahukan wartawan bersikap jujur dan adil sekiranya membuat laporan mengenai perkara - perkara yang melibatkan ras dan agama kerana perkara - perkara seumpama ini boleh menyinggung perasaan dan sensitiviti lebih - lebih lagi jika isu itu sengaja dibesar - besarkan.

Dato' Sri Dr. Mahathir juga menasihati akhbar - akhbar supaya jangan terlalu fanatik tentang soal hak untuk mengetahui kerana ada kalanya lebih baik jika sesuatu berita itu tidak disebar.

Katanya, sesuatu kejadian kecil di satu tempat dalam satu konteks tertentu tidak menjadi kontroversial dan sensitif jika dihadkan kepada tempat itu sahaja.

Tetapi, katanya, apabila sesuatu yang kecil disebar luas, ia menjadi besar dan sensasi lebih - lebih lagi ia 'diwarna' dengan kata - kata dan susunan ayat dan kadang - kadang diputarbelitkan.

Menurut beliau lagi, 'hak mengetahui' dicipta dan dipuja oleh orang - orang yang berkepentingan, orang - orang yang mahu menjadikan tugas mereka begitu 'essential'.

## Jangan terlalu fanatik

"Tetapi hakikatnya banyak yang berlaku dalam dunia ini kita tidak mungkin mengetahuinya. Kita tidak akan mati kalau kita tidak mengetahui sesuatu hal itu, justeru itu jangan terlalu fanatik tentang soal 'the right to know' ini," tambahnya.

Beliau berkata adalah lebih baik jika sesuatu berita itu tidak disebar, dan apa salahnya jika akhbar memilih berita yang membina dari yang hanya boleh membawa keburukan walaupun kononnya berita yang buruk lebih menarik daripada berita yang baik.

"Kita sering mengecam peniaga yang hanya mengutamakan keuntungan dan tidak menghiraukan kepentingan masyarakat. Apakah dengan kita mengutamakan larisnya penjualan akhbar kita, kita tidak sama tamak dengan peniaga yang hanya mengutamakan keuntungan," tanya Perdana Menteri.

Perdana Menteri juga berkata, media massa bukan sahaja berperanan memberi maklumat tetapi bertanggungjawab terhadap kesejahteraan dan pembangunan masyarakat terutama dalam sesebuah negara yang membangun seperti Malaysia.

Dalam hubungan ini beliau berkata, pihak akhbar dan kerajaan mempunyai objektif yang boleh dikatakan sama, tetapi malangnya ada pendapat mengatakan kredibiliti sesebuah akhbar bergantung kepada sikap 'bermusuh' terhadap kerajaan.

Di majlis itu Perdana Menteri telah menyampaikan hadiah kepada 17 orang wartawan dan jurugambar dari media cetak dan elektronik yang memenangi Hadiah Kewartawanan Malaysia 1988 dalam berbagai kategori.

Pengerusi Institut Akhbar Malaysia, Encik Mazlan Nordin memberitahu sebanyak 93 penyertaan dari pertubuhan - pertubuhan media massa dan wartawan secara individu di seluruh negara berbanding 70 penyertaan pada tahun 1987.